

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK  
[SEREMBAN]**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci setiap peruntukan yang telah disalurkan serta penerimanya dan setiap projek yang telah diluluskan di bawah peruntukan khas Jabatan Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Seremban bagi tahun 2013 dan 2014.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2013 hingga 24 Oktober 2014, kawasan Parlimen Seremban telah diluluskan peruntukan khas Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM2.58 juta bagi membiayai 183 buah projek pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan sosial. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.26 juta adalah diluluskan bagi melaksanakan 166 buah projek untuk tahun 2013 di mana ianya melibatkan sebanyak 74 buah projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam manakala baki 92 buah projek merupakan projek membaik pulih dan menaik taraf rumah-rumah penduduk miskin.

Bagi tahun semasa 2014, sehingga kini sebanyak RM316 ribu telah diluluskan di bawah peruntukan khas yang berkenaan bagi pelaksanaan 17 buah projek di kawasan Parlimen Seremban. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dan baki 7 buah projek merupakan projek membaik pulih dan menaik taraf rumah penduduk miskin.

Projek-projek yang telah siap dilaksana selain daripada projek yang melibatkan pembaikan dan naik taraf rumah golongan miskin akan diserahkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk tujuan pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam terbabit.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN TEO KOK SEONG  
DARIPADA [ RASAH ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS.**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Sekolah Menengah Tinggi Persendirian Cina (Chinese Independent High School ) sejak tahun 2000 sehingga 2014 berdasarkan sekolah.

**JAWAPAN.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan dengan itu, KPM tidak menyalurkan sebarang peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah tersebut.